

Penerbitan JPSIKS UMS jadi penanda aras

Dalam membawa unit penyelidikan ke tahap lebih baik

UB 7.12.2017 B4

Oleh ALFRED PETRUS

PENERBITAN Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial (JPSIKS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi penanda aras dalam membawa unit penyelidikan bidang berkenaan ke tahap yang lebih baik dan sesuai dengan misinya.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata dengan adanya penerbitan itu, Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial UMS mampu menghasilkan penyelidikan yang berkualiti tinggi.

“Salah satu daripada pengiktirafan ranking universiti adalah melalui cabang penerbitan.

“Artikel yang terbaik juga dapat dihasilkan

seterusnya dapat dikongsikan dengan ilmuan dan pengkaji yang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan majlis pelancaran JPSIKS, e-Buletin dan Pusat Perkhidmatan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (Tesl) di Kota Kinabalu pada Rabu.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr Shahril Yusof.

Kamarudin berkata walaupun Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial UMS berskala kecil namun ia adalah antara unit yang aktif dalam menjalankan pelbagai program.

“Ini terbukti dengan adanya pelbagai aktiviti yang dilakukan termasuklah persidangan

peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang dianjurkan sejak dari dulu lagi.

“Oleh itu, saya percaya jurnal-jurnal yang dihasilkan mampu memberikan sumbangan yang besar kepada ranking universiti kelak,” katanya.

Beliau berkata dengan adanya e-Buletin dalam unit itu, maka maklumat berkenaan kecemerlangan fakulti dapat disalurkan secara dalam talian, lebih pantas serta mudah dicapai.

“Saya percaya dengan penyaluran maklumat yang

mudah ini, masyarakat luar akan lebih terinspirasi dengan Fakulti Psikologi dan Pendidikan dan UMS secara umum.

“Setiap tahun, UMS menerima kemasukan pelajar antarabangsa dan melalui e-Buletin ini, ia akan menjadi platform bagi calon pelajar antarabangsa lain meminati aktiviti atau bidang yang ingin mereka ceburi jika menjadikan UMS sebagai pilihan.

“Begitu juga dengan Pusat Perkhidmatan Tesl (TSC), dengan adanya pusat ini para pelajar

“Salah satu daripada pengiktirafan ranking universiti adalah melalui cabang penerbitan. Artikel yang terbaik juga dapat dihasilkan seterusnya dapat dikongsikan dengan ilmuan dan pengkaji yang lain.”

PROF DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS)



DAHLAN (kanan) menyampaikan cendera kenangan kepada Shahril.

dapat menyumbang ilmu yang mereka peroleh dalam bidang Tesl kepada masyarakat, sekali gus

dapat memperkasakan kompetensi mereka dalam penguasaan Bahasa Inggeris,” katanya.

Turut hadir ialah Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan Prof Dr Mohd Dahlam A Malek.